

19 MAY 2004

Mahathir-Tioman

PEMBANGUNAN TIOMAN TAK PERLU IKUT LANGKAWI, KATA DR MAHATHIR

PULAU TIOMAN, 19 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad berkata pembangunan di Pulau Tioman mestilah berdasarkan kepada potensi yang dimilikinya tanpa perlu membandingkannya dengan kemajuan yang dikecapi Pulau Langkawi.

Dr Mahathir, yang juga Penasihat Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), berkata pembangunan di Pulau Tioman pastinya berbeza dengan pembangunan di Pulau Langkawi kerana kedua-dua pulau itu mempunyai ciri-ciri berbeza.

"Pulau Tioman berbeza daripada Langkawi, penduduk tidak ramai, jenis pembangunannya pun berbeza. Kerajaan Pahang perlu tentukan apa dia jenis pembangunan kerana Tioman mempunyai kekurangan seperti air dan kawasan (tanah) yang boleh dibangunkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini di akhir lawatan dua hari ke pulau bebas cukai ini.

Dr Mahathir, yang telah memainkan peranan utama memajukan Langkawi, berkata setiap projek pembangunan di Pulau Tioman perlulah dibangunkan berdasarkan potensi yang dimilikinya bagi memastikan pulau itu terus kekal dengan sifat semula jadinya untuk terus menarik pelancong.

"Sama ada hendak dibangunkan secara pesat, itu perlu diputuskan oleh kerajaan negeri Pahang. Saya hanya penasihat sahaja dan saya perlu juga dengar nasihat orang, penduduk Tioman dan kerajaan Pahang perlu putuskan bentuk pembangunannya," katanya.

Dr Mahathir berkata pembangunan di Pulau Tioman dilihat tidak dapat dilaksanakan secara bersepadu kerana bentuk alam semula jadinya yang berbukit bukau dan kekurangan kawasan tanah di tepi pantai.

"Ia tidak ada kawasan yang luas, soalnya apakah dibangunkan dengan cara yang tidak jejakkan keadaan (semula jadinya). Sebaliknya di Langkawi, kita tumpu (pembangunan) di pantai, sepatutnya (pembangunan di Tioman) tumpuan

pembangunan juga di pantai," katanya.

Semalam, Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob melawat projek pembinaan marina di Kampung Tekek. Hari ini beliau diiringi Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Pahang, Datuk Maznah Mazlan, melawat Kampung Salang dan Taman Laut di Kampung Air Hantu.

-- BERNAMA

MS MAI